


KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA



**PANDUAN DAN PERATURAN  
ISTIADAT KONVOKESYEN PMM KE-14  
(28 MAC 2015)  
DEWAN PLATINUM, POLITEKNIK MERLIMAU  
MELAKA**

Disediakan oleh :

Jawatankuasa Istiadat Konvokesyen Ke-14  
Istiadat Konvokesyen ke-14  
Politeknik Merlimau Melaka





Para graduan yang ingin menghadiri Istiadat konvokesyen ini hendaklah mematuhi perkara berikut:-

1. Menyempurnakan **Borang Jawapan Konvokesyen Ke-14** dan mengembalikannya dalam tempoh yang ditetapkan.
2. Mendaftar dan menghadiri raptai pada 27 Mac 2015, 8.30 pagi di jabatan masing-masing. Kegagalan menghadiri raptai boleh menyebabkan saudara/i tidak dibenarkan mengikuti istiadat konvokesyen.
3. Berpakaian dan rupa diri yang **sopan** seperti berikut:-
  - a) **Graduan lelaki**
    - i) Rambut – pendek, kemas dan tidak diwarnakan. Jika tidak mematuhinya, **JUBAH TIDAK** akan diberi.
    - ii) Pakaian - **pakaian kebangsaan** lengkap bersampin serba **hitam** dan **songkok hitam**

**atau**

**kemeja putih** berlengan panjang dan **berkot hitam**, **tali leher** berwarna **gelap** serta **seluar slack hitam**.

    - iii) Kasut dan stokin – warna **hitam** (**kasut sukan & sandal tidak dibenarkan**)
  - b) **Graduan perempuan**
    - i) Pakaian – sepasang **baju kurung** warna bebas dan (tudung putih disediakan)

**atau**

**blouse** warna putih dan **skirt labuh, plain dan warna gelap**.

    - ii) Kasut - bertutup
      - berwarna **gelap** (**kasut sukan / platform / sandal tidak dibenarkan**)
  - c) **Pengiring** (Ibu / Bapa / Lain yang masuk dewan) hendaklah membawa Pas Masuk dewan dan berpakaian sesuai untuk majlis **rasmi**.
    - i) Lelaki – (batik / kemeja) berlengan panjang.
    - ii) Perempuan – kebangsaan / sopan dan tidak jarang.

#### **Peringatan:-**

Pakaian kurang sopan seperti jarang, ketat, mendedahkan dan yang tidak sesuai untuk majlis rasmi adalah tidak dibenarkan.

Graduan juga hendaklah berpakaian yang sesuai (seperti untuk kuliah) sewaktu raptai dijalankan.



4. Memakai **jubah** (hijau kebiruan) yang disediakan oleh pihak Politeknik seperti yang diarahkan.
5. Membawa **Slip Pengesahan Kajian Graduan**.

**PERHATIAN:**

1. Ibu / bapa / pengiring yang membawa Pas Masuk dewan hendaklah memasuki dewan pada 7.45 - 8.10 pagi bagi sesi pagi atau 2.00 – 2.20 petang bagi sesi petang.
2. Kanak-kanak berumur **12 tahun dan ke bawah dilarang memasuki dewan**.
3. Hadirin tidak dibenarkan keluar / masuk dari dewan setelah istiadat dimulakan.
4. Hadirin tidak dibenarkan mengambil gambar ketika istiadat berjalan (jurugambar profesional disediakan).
5. Hadirin dilarang merokok di dalam dewan.
6. Hadirin hendaklah **mematikan** telefon bimbit semasa berada di dalam dewan.
7. Hadirin dilarang sama sekali berbual-bual atau membuat bising semasa istiadat sedang berjalan.
8. Diploma hanya akan diserahkan selepas pengesahan pemulangan jubah dibuat. **Kegagalan mengembalikan jubah akan mengakibatkan penahanan Diploma anda**. Anda akan diminta membayar sepenuhnya kos jubah sekiranya berlaku kehilangan.